

Perjuangan Umno di Sabah

Bukan setakat

tadbir negeri

Oleh MAHFAR ALI
dan NORAZMI ABDUL TALIB

KUALA LUMPUR: Umno mempunyai rancangan jangka panjang di Sabah yang bukan saja terhadap untuk menguasai kerajaan negeri itu, malah bagi membawa kebaikan kepada seluruh rakyat di sana.

Berikutan itu, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pihaknya tidak akan tergopoh-gapah untuk menambah ahli dalam perjuangannya di Sabah.

"Kita akan berjalan seperti biasa dan berpendapat penduduk di Sabah perlu diberi penerangan mengenai perjuangan Umno supaya mendapat ahli dan sokongan tulen," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Beliau mengulas rancangan Umno selepas Barisan Nasional (BN) mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Usukan dan Bayu dalam pilihanraya kecil, baru-baru ini.

Ditanya sama ada Umno bercadang melantik seorang ahli Umno Sabah menganggotai MT, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, buat masa sekarang Umno tidak bercadang berbuat demikian.

Bagaimanapun, katanya, perantikan itu akan dibuat apabila sampai masanya dan perlembagaan membenarkan Umno berbuat demikian.

Menjawab soalan lain, beliau yang juga Perdana Menteri berkata, lawatannya ke Kelantan tidak mempunyai kaitan dengan sebarang isu.

"Saya ke Kelantan untuk merasmikan jambatan baru di sana serta urusan Umno," katanya.

Beliau turut mengumumkan Umno menerima permohonan bekas Ketua Pemuda Hamim, Encik Madla Yop dan 72 ketua cawangan Semangat 46 dalam bahagian Pasir Mas, di Kelantan, untuk menjadi ahli.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ahli Umno sekarang meningkat kepada 1,563,981 orang, termasuk di Sabah.

Menurutnya, Umno menerima kemasukan ramai bekas ahli parti lain, termasuk daripada Semangat 46 dan Pas.

Sementara itu, Encik Madla berkata, beliau meletakkan jawatan Ketua Pemuda Hamim sejak 15 Mei lalu.

Beliau yang juga bekas ahli jawatan kuasa Pemuda Pas Kelantan, berkata keputusan itu dibuat selepas melihat segala perkembangan di Kelantan yang tidak menentu.

"Apabila Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) memerintah Kelantan, matlamat perjuangannya sudah terpesong," katanya.

Menurut beliau, perjuangan Umno pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir terbukti begitu meyakinkan orang Melayu khususnya.